

## **PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG**

**TAHUN 2017**

*Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang disediakan setiap tahun oleh Jabatan Kewangan Negeri mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Prosedur Kewangan, 1957 (Disemak - 1972). Penyata Kewangan Kerajaan Negeri diaudit oleh Ketua Audit Negara sebelum dibentangkan di Dewan Undangan Negeri.*

*Penyata Kewangan Kerajaan Negeri melaporkan semua urusniaga kewangan sesuatu tahun kewangan. Ia mengakaun semua terimaan dan penggunaan sumber kewangan seperti yang telah diperuntukkan oleh Dewan Undangan Negeri.*

*Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2017 mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan. Penyata Kedudukan Kewangan disokong oleh Penyata Aset dan Penyata Kumpulanwang Disatukan, manakala Penyata Akaun Memorandum disokong oleh Penyata Memorandum Aset dan Liabiliti.*



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

**Laporan Mengenai Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dasar dan kaedah perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 2 hingga 17.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 31 Disember 2017 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan *International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting)*.

**Asas Kepada Pendapat**

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

**Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain**

Saya adalah bebas daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

## **Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya**

Pendapat saya terhadap penyata kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

## **Tanggungjawab Pegawai Kewangan Negeri Terhadap Penyata Kewangan**

Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan *International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting)*. Pegawai Kewangan Negeri juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

## **Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka

dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kerajaan Negeri Pulau Pinang..
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Pegawai Kewangan Negeri.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Pegawai Kewangan Negeri dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang memberi gambaran yang saksama.


Saya telah berkomunikasi dengan Pegawai Kewangan Negeri, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

## Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Tatacara Kewangan 1957, saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

### Hal-hal Lain

Laporan ini diangkat untuk perkenan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.



(TAN SR~~I~~ DR. MADINAH BINTI MOHAMAD)  
KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

PUTRAJAYA

26 April 2018



# **PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI 2017**

<b>Kandungan</b>	<b>Muka Surat</b>
<b>LAPORAN BENDAHARI NEGERI</b>	
<b>PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI</b>	
Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri dan Bendahari Negeri	
Penyata Kedudukan Kewangan	
Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai	
Penyata Prestasi Kewangan	
Penyata Akaun Memorandum	
Nota kepada Penyata Kewangan	

## **Lampiran**

- A. Penyata Perbelanjaan Mengurus
- B. Penyata Perbelanjaan Pembangunan
- C. Penyata Akaun Memorandum Pinjaman  
Boleh Dituntut
- D. Penyata Akaun Memorandum Pelaburan

# LAPORAN BENDAHARI NEGERI


## 1. PENDAHULUAN

Penyata Kewangan Negeri Pulau Pinang ini disediakan setiap tahun mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Prosedur Kewangan 1957 (disemak 1972). Pada tahun ini Penyata Kewangan Negeri Pulau Pinang telah disedia dan diserahkan kepada Ketua Audit Negara pada 09 Januari 2018. Penyata Kewangan ini melaporkan semua urusniaga perakaunan kecuali maklumat Aset dan Liabiliti bagi tahun 2017 dalam Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri. Kumpulan Wang ini terdiri daripada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Maklumat Aset dan Liabiliti dilaporkan hanya sebagai item di bawah Penyata Akaun Memorandum.

Kedudukan baki akaun Kumpulan Wang Disatukan Negeri untuk tahun 2017 berjumlah RM1,970.65 juta meningkat sebanyak RM142.12 juta daripada tahun 2016. Peningkatan ini adalah hasil daripada peningkatan Akaun Hasil Disatukan sebanyak RM51.16 juta dan Akaun Amanah Disatukan sebanyak RM90.96 juta berbanding tahun 2016. Jadual 1 menunjukkan perbezaan antara tahun 2016 dan 2017 bagi akaun-akaun dalam Kumpulan Wang Disatukan. Carta 1 pula menunjukkan peningkatan kedudukan Kumpulan Wang Disatukan bagi tahun 2013 – 2017.

**JADUAL 1**  
**PERBANDINGAN KEDUDUKAN AKAUN-AKAUN**  
**KUMPULAN WANG DISATUKAN NEGERI**  
**BAGI TAHUN 2016 DAN 2017**

	2017	2016	+/(-)
	(RM JUTA)	(RM JUTA)	(RM JUTA)
AKAUN HASIL DISATUKAN	1,092.90	1,041.74	51.16
AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	0.00	0.00	0.00
AKAUN AMANAH DISATUKAN	877.75	786.79	90.96
<b>KUMPULAN WANG DISATUKAN</b>	<b>1,970.65</b>	<b>1,828.53</b>	<b>142.12</b>



**CARTA 1: KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN NEGERI  
DARI TAHUN 2013 – 2017**

## 2. PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

Penyata Kedudukan Kewangan menunjukkan jumlah Wang Awam berupa Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

### 2.1 WANG AWAM

#### 2.1.1 Wang Tunai

Selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan, baki Wang Tunai dinyatakan dalam tiga kategori iaitu Wang Tunai dalam Bank, Wang Tunai dalam Perjalanan dan Wang Tunai dalam Tangan. Baki Wang Tunai sebanyak RM20.26 juta adalah mencakupi Wang Tunai dalam Bank sejumlah RM19.44 juta, Wang Tunai dalam Perjalanan sebanyak RM0.48 juta dan Wang Tunai dalam Tangan sejumlah RM0.34 juta.

Baki Wang Tunai pada akhir tahun 2017 meningkat sebanyak RM10.33 juta berbanding tahun 2016 yang berjumlah RM9.93 juta. Jumlah Wang Tunai dalam Perjalanan menurun sebanyak RM0.08 juta berbanding RM0.56 juta pada tahun 2016, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.

**JADUAL 2**  
**KEDUDUKAN WANG TUNAI KERAJAAN NEGERI**  
**BAGI TAHUN 2016 DAN 2017**

	2017	2016	+/(-)
	(RM JUTA)	(RM JUTA)	(RM JUTA)
WANG TUNAI DALAM BANK	19.44	9.03	10.41
WANG TUNAI DALAM PERJALANAN	0.48	0.56	(0.08)
WANG TUNAI DALAM TANGAN	0.34	0.34	0.00
<b>JUMLAH WANG TUNAI</b>	<b>20.26</b>	<b>9.93</b>	<b>10.33</b>

### 2.1.2 Pelaburan

Amaun Pelaburan yang dipegang oleh Kerajaan Negeri dalam Kumpulan Wang Disatukan pada 31 Disember 2017 berjumlah RM1,950.40 juta. Amaun ini terdiri daripada pelaburan Deposit Dalam Negeri berjumlah RM1,890 juta, pelaburan ekuiti sebanyak RM31.45 juta dan pelaburan Kumpulan Wang Amanah berjumlah RM28.95 juta. Deposit Dalam Negeri meningkat sebanyak RM133.00 juta berbanding sebanyak RM1,757.00 juta tahun 2016. Pelaburan Ekuiti tidak berubah berbanding tahun 2016. Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dalam bentuk simpanan tetap sebanyak RM28.95 juta menurun sebanyak RM1.2 juta berbanding tahun 2016 sebanyak RM30.15 juta. Kumpulan Wang Amanah yang terlibat adalah dari Kumpulan Wang Amanah Bantuan TYT YDP Negeri Pulau Pinang dan Akaun Amanah Penang Future Foundation.


## **2.2 KUMPULAN WANG DISATUKAN**

### **2.2.1 AKAUN HASIL DISATUKAN**

Kerajaan Negeri telah mengakhiri tahun kewangan 2017 dengan lebihan berjumlah RM51.16 juta. Lebihan ini berpunca daripada hasil yang diperolehi berjumlah RM757.01 juta berbanding perbelanjaan mengurus sejumlah RM705.85 juta. Lebihan ini menjadikan jumlah baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan meningkat dari RM1,041.74 juta dalam tahun berakhir 2016 menjadi RM1,092.90 juta bagi tahun berakhir 2017.

Carta 2 menunjukkan kedudukan baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan dari tahun 2013 sehingga tahun 2017.


**CARTA 2: KEDUDUKAN AKAUN HASIL DISATUKAN NEGERI  
DARI TAHUN 2013 – 2017**



### **2.2.1.1 Prestasi Hasil Negeri**

Punca hasil Kerajaan Negeri Pulau Pinang terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Carta 3 menunjukkan peratusan agihan komponen-komponen hasil bagi tahun 2017. Pada tahun 2017 hasil menurun sebanyak RM272.83 juta berbanding tahun 2016. Prestasi hasil negeri bagi tahun 2013 hingga 2017 adalah seperti di Jadual 3.

**CARTA 3: PERATUSAN AGIHAN KOMPONEN HASIL KERAJAAN NEGERI  
BAGI TAHUN 2017**



**JADUAL 3  
PRESTASI HASIL KERAJAAN NEGERI MENGIKUT KOMPONEN HASIL  
BAGI TAHUN 2013 – 2017**

KOMPONEN	TAHUN				
	2013 (RM JUTA)	2014 (RM JUTA)	2015 (RM JUTA)	2016 (RM JUTA)	2017 (RM JUTA)
HASIL CUKAI	120.17	129.50	128.92	133.11	135.54
HASIL BUKAN CUKAI	511.71	534.48	591.77	579.80	341.04
TERIMAAN BUKAN HASIL	201.83	135.73	176.97	316.93	280.43
<b>JUMLAH</b>	<b>833.71</b>	<b>799.71</b>	<b>897.66</b>	<b>1,029.84</b>	<b>757.01</b>

**a. Hasil Cukai**

Pungutan Hasil Cukai bagi tahun 2017 meningkat sebanyak RM2.43 juta berbanding tahun 2016. Sumber terbesar Hasil Cukai terdiri daripada Cukai Langsung iaitu Cukai Tanah. Pada tahun 2017, Hasil Cukai Tanah yang dikutip adalah sebanyak RM118.40 juta. Jumlah ini meningkat sebanyak RM1.52 juta dari tahun 2016.

**b. Hasil Bukan Cukai**

Pungutan Hasil Bukan Cukai pada tahun 2017 menurun sejumlah RM238.76 juta berbanding tahun 2016. Hasil Bukan Cukai terdiri daripada Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit, Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan, Perolehan dari Jualan Barang-barang, Sewaan, Keuntungan Pembiayaan dan Perolehan Pelaburan, Denda dan Hukuman serta Sumbangan dan Bayaran Ganti. Hasil paling tinggi yang dikutip bagi kategori ini adalah bagi Perolehan dari Jualan Barang-barang iaitu sebanyak RM132.93 juta. Hasil di bawah kategori ini menurun sebanyak RM255.89 juta berbanding tahun 2016.

**c. Terimaan Bukan Hasil**

Terimaan Bukan Hasil terdiri daripada Pulangan Balik Perbelanjaan dan Terimaan dari Agensi Kerajaan. Terimaan di bawah kategori ini bagi tahun 2017 berjumlah RM280.43 juta menunjukkan penurunan sejumlah RM36.50 juta berbanding tahun 2016 yang berjumlah RM316.93 juta.


**2.2.1.2 Prestasi Perbelanjaan Mengurus**

Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 2017 berjumlah RM705.85 juta. Perbelanjaan ini meliputi Perbelanjaan Tanggungan sejumlah RM14.32 juta dan Perbelanjaan Bekalan sebanyak RM691.53 juta. Komponen-komponen perbelanjaan ini terdiri daripada Emolumen sebanyak RM163.55 juta, Perkhidmatan dan Bekalan sebanyak RM140.31 juta, Perolehan Aset sebanyak RM7.77 juta, Pemberian dan Kenaan Bayaran

Tetap sebanyak RM391.02 juta serta Perbelanjaan Lain sebanyak RM3.20 juta. Carta 4 menunjukkan Peratusan Komponen Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 2017.

Prestasi Perbelanjaan Negeri bagi tahun 2013 hingga 2017 adalah seperti di Jadual 4.

**CARTA 4: PERATUSAN AGIHAN KOMPONEN-KOMPONEN PERBELANJAAN KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2017**



**JADUAL 4**  
**PRESTASI PERBELANJAAN KERAJAAN NEGERI MENGIKUT KOMPONEN PERBELANJAAN**  
**BAGI TAHUN 2013 – 2017**

KOMPONEN	TAHUN				
	2013 (RM JUTA)	2014 (RM JUTA)	2015 (RM JUTA)	2016 (RM JUTA)	2017 (RM JUTA)
EMOLUMEN	134.74	142.28	142.85	158.60	163.55
PERKHIDMATAN & BEKALAN	109.12	113.39	124.97	135.13	140.31
ASET	6.77	6.71	6.81	6.06	7.77
PEMBERIAN & KENAAN BAYARAN TETAP	578.17	481.14	543.70	637.90	391.02
PERBELANJAAN LAIN	3.61	2.02	7.55	2.94	3.20
<b>JUMLAH</b>	<b>832.41</b>	<b>745.54</b>	<b>825.88</b>	<b>940.63</b>	<b>705.85</b>

**a. Emolumen**

Perbelanjaan untuk Maksud Emolumen adalah berjumlah RM163.55 juta pada tahun 2017. Jumlah ini meningkat sebanyak RM4.95 juta berbanding tahun 2016. Pertambahan ini adalah disebabkan oleh kenaikan gaji tahunan dan pemberian Bantuan Khas Kerajaan.

**b. Perkhidmatan dan Bekalan**

Perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan merangkumi perbelanjaan perkhidmatan yang dibeli, penyelenggaraan, sewaan, pengangkutan dan perjalanan, kos utiliti dan perhubungan serta perbelanjaan bekalan bahan mentah. Perbelanjaan ini telah meningkat sebanyak RM5.18 juta berbanding perbelanjaan tahun 2016.

**c. Aset**

Jumlah perbelanjaan Aset bagi tahun 2017 adalah sebanyak RM7.77 juta. Jumlah ini meningkat sebanyak RM1.71 juta berbanding tahun 2016. Peratusan perbelanjaan di bawah komponen ini adalah tinggi disebabkan penyemakan semula cadangan perolehan aset berdasarkan kepada keperluan sebenar jabatan, penentuan kadar harga yang tepat di samping pendekatan perbelanjaan berhemah Kerajaan Negeri.

**d. Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap**

Perbelanjaan Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap bagi tahun 2017 adalah sebanyak RM391.02 juta. Jumlah ini menurun sebanyak RM246.88 juta berbanding tahun 2016. Perbelanjaan bagi komponen ini adalah merupakan peratusan yang paling besar berbanding komponen perbelanjaan yang lain. Antara perbelanjaan di bawah komponen ini adalah penyaluran bantuan kepada rakyat melalui program-program yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri dan juga pemindahan dana ke Kumpulan Wang Pembangunan bagi tujuan projek-projek pembangunan kerajaan.

**e. Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain**

Jumlah Perbelanjaan Lain bagi tahun 2017 adalah sebanyak RM3.2 juta iaitu meningkat RM0.26 juta berbanding tahun 2016.

**2.2.2 AKAUN PINJAMAN DISATUKAN**

**2.2.2.1 Pinjaman Dalam Negeri**

Akaun Pinjaman Disatukan ditubuhkan mengikut perkara 99 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(b) Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak 1972) bagi mengakaunkan semua terimaan pinjaman dan pindahan pinjaman ke Kumpulan Wang Pembangunan. Sumber pinjaman Kerajaan Negeri adalah daripada Kerajaan Persekutuan.

Mengikut Lembaran Imbangan, baki Akaun Pinjaman Disatukan pada akhir tahun 2017 adalah sifar iaitu sama dengan baki pada akhir tahun 2016. Tiada terimaan dan pindahan pinjaman bagi tahun 2017. Jadual 5 menunjukkan prestasi akaun pinjaman disatukan dari tahun 2013 hingga 2017.


**JADUAL 5  
PRESTASI AKAUN PINJAMAN KERAJAAN NEGERI  
BAGI TAHUN 2013 – 2017**

PERIHAL	TAHUN				
	2013 (RM JUTA)	2014 (RM JUTA)	2015 (RM JUTA)	2016 (RM JUTA)	2017 (RM JUTA)
BAKI PADA 1 JANUARI	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
TERIMAAN PINJAMAN	3.16	13.00	11.00	0.00	0.00
PINDAHAN KE KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN	3.16	13.00	11.00	0.00	0.00
JUMLAH	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00

### **2.2.3 AKAUN AMANAH DISATUKAN**

Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Wang Deposit. Baki Kumpulan Wang ini pada 31 Disember 2017 berjumlah RM877.75 juta. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM90.96 juta berbanding tahun 2016 yang berjumlah RM786.79 juta. Carta 5 menunjukkan kedudukan Akaun Amanah Disatukan dari tahun 2013 hingga 2017 manakala jadual 6 pula menunjukkan prestasi komponen Akaun Amanah Disatukan Kerajaan Negeri bagi tempoh yang sama.

**CARTA 5: KEDUDUKAN AKAUN AMANAH DISATUKAN NEGERI  
DARI TAHUN 2013 – 2017**



**JADUAL 6**  
**PRESTASI KOMPONEN AKAUN AMANAH DISATUKAN KERAJAAN NEGERI**  
**BAGI TAHUN 2013 – 2017**

PERIHAL	TAHUN				
	2013 (RM JUTA)	2014 (RM JUTA)	2015 (RM JUTA)	2016 (RM JUTA)	2017 (RM JUTA)
KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN	85.80	54.06	27.57	37.30	47.85
PELBAGAI KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN	152.17	146.38	150.11	141.77	171.11
KUMPULAN WANG AMANAH AWAM	145.61	271.07	313.34	427.88	467.46
AKAUN WANG DEPOSIT	81.95	103.76	115.89	179.84	191.33
<b>JUMLAH</b>	<b>465.53</b>	<b>575.28</b>	<b>606.91</b>	<b>786.79</b>	<b>877.75</b>

### **2.2.3.1 Kumpulan Wang Pembangunan**

Penerimaan bagi Kumpulan Wang Pembangunan terdiri daripada Pindahan dari Akaun Hasil Disatukan sebanyak RM175 juta, Pemberian Tahap Pembangunan Ekonomi RM13.52 juta, Sewa Beli Daripada Perumahan Murah RM3.17 juta, Jualan Rumah Kos Rendah RM0.10 juta, Terimaan Balik Pinjaman daripada PDC RM85.98 juta, Terimaan Balik Pinjaman daripada MPSP RM7.22 juta, Pajakan PBA RM25.94 juta dan Terimaan Balik Pinjaman daripada PBA RM1 juta. Jumlah perbelanjaan adalah sebanyak RM301.38 juta.

### **2.2.3.2 Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan**

Kumpulan Wang ini terdiri daripada akaun-akaun amanah yang diwujudkan dari peruntukan Kerajaan Negeri. Antara akaun-akaun amanah berkenaan adalah Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan dan Komputer, Pendahuluan Diri, Pendahuluan Pelbagai, Pinjaman Penuntut, Pelbagai Akaun Penyelesaian, Akaun Amanah Tabung TYT, Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalanraya Negeri dan lain-lain Pelbagai Kumpulan Wang. Secara keseluruhannya jumlah baki Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ini meningkat sebanyak

RM29.34 juta berbanding tahun 2016 yang berjumlah RM141.77 juta.

#### **2.2.3.3 Kumpulan Wang Amanah Awam**

Kumpulan Wang Amanah Awam ini terdiri daripada akaun-akaun amanah yang ditubuhkan di bawah Seksyen 9 Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak 1972) untuk mengakaunkan wang yang diamanahkan kepada Kerajaan Negeri bagi maksud tertentu. Baki Kumpulan Wang ini pada tahun berakhir 2017 ialah sebanyak RM467.46 juta meningkat sejumrah RM39.58 juta berbanding baki bagi tahun 2016.

#### **2.2.3.4 Akaun Wang Deposit**

Akaun Wang Deposit adalah merupakan wang yang diterima bagi maksud tertentu dan perlu dikembalikan sebaik sahaja selesai maksudnya. Sehingga akhir tahun 2017, wang deposit keseluruhannya berjumlah RM191.33 juta.

### **3. PENYATA AKAUN MEMORANDUM**

Penyata Akaun Memorandum ialah penyata yang menunjukkan sebahagian aset dan liabiliti Kerajaan Negeri yang tidak ditunjukkan dalam Penyata Kewangan.

#### **3.1. Aset**

Aset terdiri daripada Pinjaman Boleh Dituntut, Pelaburan, Hasil Belum Terima dan Bayaran Air Mentah.

##### **3.1.1. Pinjaman Boleh Dituntut**

Pinjaman Boleh Dituntut adalah baki pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan

dan Syarikat Jelutong Development Sdn. Bhd. Sehingga tahun 2017, baki Pinjaman Boleh Dituntut adalah sebanyak RM245.17 juta terdiri daripada pinjaman kepada Majlis Perbandaran Seberang Perai sebanyak RM64.24 juta, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang sebanyak RM45.75 juta, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. sebanyak RM102 juta dan Jelutong Development Sdn. Bhd. sebanyak RM33.18 juta.

### **3.1.2. Pelaburan**

Pelaburan yang dilaporkan dalam Akaun Memorandum menunjukkan pelaburan yang dibuat melalui syarikat-syarikat pengurus dana yang dilantik oleh Kerajaan Negeri dan pelaburan-pelaburan ekuiti dalam PBA Holdings Bhd., Maxis dan Astro. Jumlah nilai pelaburan sehingga akhir tahun 2017 ialah RM237.98 juta. Pengurus Dana memegang sebanyak RM32.14 juta, Maxis Bhd. RM25.25 juta, Astro Bhd. RM3.03 juta, Malaysia Airport Berhad (Right Issue) RM4.73 juta dan PBA Holdings Bhd sebanyak RM172.83 juta.

### **3.1.3 Hasil Belum Terima**

Sehingga tahun berakhir 31 Disember 2017, Hasil Belum Terima Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM78.01 juta. Jumlah ini menurun sebanyak RM4.94 juta berbanding tahun 2016 iaitu RM82.95 juta. Sebahagian besar hasil yang belum terima ini adalah terdiri dari Cukai Tanah yang belum diterima iaitu sebanyak RM49.15 juta dan perumahan negeri berjumlah RM17.47 juta.

### **3.1.4. Bayaran Fi Air Mentah**

Baki Bayaran Fi Air Mentah bagi tahun berakhir 2017 adalah sejumlah RM2,810.00 Jumlah berkurang berbanding RM4.82 juta bagi tahun berakhir 2016.

## **3.2. LIABILITI**

### **3.2.1. Hutang Awam Kerajaan Negeri**

Hutang Awam Kerajaan Negeri pada tahun berakhir 31 Disember 2017 berjumlah RM62.06 juta. Jumlah ini menurun sebanyak RM4.27 juta berbanding baki tahun 2016 berjumlah RM66.33 juta.

**PERNYATAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI  
DAN BENDAHARI NEGERI**

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Nota kepada Penyata Kewangan disediakan:

- (a) mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting*; dan
- (b) dengan menyatakan maklumat kewangan daripada semua Jabatan Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum berserta Nota kepada Penyata Kewangan menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama pada 31 Disember 2017.

Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami, tidak wujud apa-apa keadaan yang boleh menjaskan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2017.

SARUL BAHIYAH BINTI HAJI ABU  
Pegawai Kewangan Negeri Pulau Pinang  
Januari 2018

KALTHOM BINTI SALIM  
Bendahari Negeri Pulau Pinang  
Januari 2018

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN  
pada 31 Disember 2017

	<u>Nota</u>	<u>2017</u> RM	<u>2016</u> RM
WANG AWAM			
WANG TUNAI	3	20,256,145.34	9,933,825.82
PELABURAN	4	1,950,400,000.00	1,818,600,000.00
		<hr/> <b>1,970,656,145.34</b>	<hr/> <b>1,828,533,825.82</b>
DIPEGANG BAGI:			
KUMPULAN WANG DISATUKAN			
AKAUN HASIL DISATUKAN	5	1,092,903,127.00	1,041,746,225.20
AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	6	0.00	0.00
AKAUN AMANAH DISATUKAN	7	877,753,018.34	786,787,600.62
		<hr/> <b>1,970,656,145.34</b>	<hr/> <b>1,828,533,825.82</b>

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI  
bagi tahun berakhir 31 Disember 2017

	<u>Note</u>	<u>2017</u> <i>RM</i>	<u>2016</u> <i>RM</i>
<b>TERIMAAN</b>			
<b>Hasil</b>	5	135,536,443.94 341,043,190.72 280,429,567.80	133,112,821.51 579,799,792.91 316,934,735.56
		757,009,302.46	1,029,847,349.98
<b>Pinjaman</b>	6	0.00	0.00
Dalam Negeri		0.00	0.00
<b>Terimaan Modal</b>	7	136,926,333.40 0.00	72,188,056.06 0.00
Pembangunan Terimaan Modal		136,926,333.40	72,188,056.06
Jualan Instrumen Kewangan		0.00	0.00
<b>Terimaan Lain</b>	7	80,418,572.27	170,142,074.32
Terimaan Amanah		80,418,572.27	170,142,074.32
<b>Jumlah Terimaan</b>		<b>974,354,208.13</b>	<b>1,272,177,480.36</b>

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI (sambungan)  
bagi tahun berakhir 31 Disember 2017

	<u>Nota</u>	<u>2017</u>		<u>2016</u>	
		RM	RM	RM	RM
<b>BAYARAN</b>					
<b>Perbelanjaan Mengurus</b>	5				
Engkumer		163,558,223.95		158,597,870.39	
Penghdmataan dan Bekalan		140,308,372.87		135,128,385.07	
Aset		7,768,542.21		6,063,944.18	
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap		213,358,338.31		388,813,868.07	
Perbelanjaan Lain		3,199,444.82	528,192,922.16	2,939,198.31	691,543,256.02
<b>Perbelanjaan Pembangunan</b>	7				
Langsund		301,379,487.95		307,455,930.50	
Pinaman		0.00	301,379,487.95	-	307,455,930.50
<b>Perbelanjaan Modal</b>					
Pembelian Instrumen Kewangan	4	131,800,000.00	131,800,000.00	266,150,000.00	266,150,000.00
<b>Pinjaman</b>	6				
Dalam Neoen		2,659,478.50		4,087,610.83	
Kepada Agensi		0.00	2,659,478.50	-	4,087,610.83
<b>Bayaran Lain</b>					
Akuan Amanah	7	0.00	0.00	0.00	0.00
<b>Jumlah Bayaran</b>			964,031,888.61		1,269,236,797.35
Tambahan / (Kuranjan) Wang Tunai			10,322,319.52		2,940,683.01
Wang Tunai Pada 1 Januari			9,933,825.82		6,991,142.81
<b>WANG TUNAI PADA 31 DISEMBER</b>			20,256,145.34		9,933,825.82

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PRESTASI KEWANGAN  
bagi tahun berakhir 31 Disember 2017

	<i>Nota</i>	<i>Anggaran</i>	<i>Sebenar</i>	<i>Sebenar</i>
		RM	RM	RM
<b>HASIL</b>	5	687,408,100.00	757,009,302.46	1,029,847,349.98
Tolak : Belanja Mengurus	5	1,354,514,700.00	530,852,400.66	695,630,866.85
<b>LEBIHAN / (KURANGAN) HASIL</b>		(667,106,600.00)	226,156,901.80	334,216,483.13
Tolak : Belanja Pembangunan	7	887,437,890.00	301,379,487.95	307,455,930.50
<b>LEBIHAN / (KURANGAN) KESELURUHAN</b>		(1,554,544,490.00)	(75,222,586.15)	26,760,552.63
<b>DIBIAYAI OLEH:</b>				
Pinjaman	6		0.00	0.00
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	7		136,926,333.40	72,188,056.06
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah			(61,703,747.25)	(98,948,608.69)
<b>JUMLAH PEMBIAYAAN</b>			75,222,586.15	(26,760,552.63)

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA AKAUN MEMORANDUM  
pada 31 Disember 2017

	<u>2017</u>	<u>2016</u>
	<u>Nota</u>	<u>RM</u>
<b>MEMORANDUM ASET</b>	8	
Pinjaman Boleh Dituntut	245,168,263.69	183,558,361.25
Pelaburan	237,987,170.54	238,814,036.97
<b>MEMORANDUM LIABILITI</b>	9	
Hutang Awam	62,057,428.08	66,332,240.75

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**  
bagi tahun berakhir 31 Disember 2017

**DASAR DAN KEAEDAH PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN**

**1. DASAR DAN PRINSIP PERAKAUNAN**

Dasar dan prinsip perakaunan diguna secara konsisten dalam penyediaan penyata kewangan kecuali dinyatakan sebaliknya.

a) Dasar perakaunan adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Negeri.

b) Perakaunan Kerajaan Negeri adalah berasaskan Kumpulan Wang Disatukan selaras dengan :

i) Perkara 97 Perfembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa segala hasil diterima kecuali Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau lain-lain hasil agama Islam seumpamanya, dikumpulkan menjadi satu kumpulan wang.

ii) Perkara 104 Perfembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa tiada wang boleh dikeluarkan dari Kumpulan Wang Disatukan melainkan diperuntukkan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Parlimen kecuali untuk perbelanjaan tanggungan tertentu.

iii) Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] memperuntukkan Kumpulan Wang Disatukan dibahagi kepada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

c) Kerajaan Negeri mengamalkan asas perakaunan tunai ubahsuai. Semua urusniaga bayaran dan terimaan diakanunkan apabila bayaran dibuat dan terimaan diperoleh dengan pengubahanruaan seperti berikut:

i) Bayaran bagi kerja yang telah dilanjutkan, bekalan dan perkhidmatan yang telah diterima sehingga 31 Disember tahun kewangan semasa boleh dibayar dalam bulan Januari tahun berikutnya dan dikenakan kepada peruntukan tahun kewangan semasa.

ii) Terimaan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambilkira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada 31 Disember tahun kewangan semasa merupakan wang tunai dalam perjalanan dan diakanunkan sebagai hasil tahun kewangan semasa.

iii) Mengaku urusniaga bukan tunai tertentu seperti pindahan peruntukan daripada Akaun Hasil Disatukan ke Akaun Amanah Disatukan, Untung Rugi Peleburan, Hapuskira Pinjaman Amanah, Penukaran Pinjaman Kepada Ekuiti dan seumpamanya.

d) Entiti perakaunan terdiri daripada semua Jabatan Kerajaan Negeri.

e) Tahun kewangan sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] adalah satu tempoh dua bulan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

f) Mata wang yang digunakan dalam penyata kewangan ini adalah Ringgit Malaysia (RM). Urusniaga yang melibatkan mata wang asing telah dilukar kepada nilai setara RM berdasarkan kadar pertukaran Bank Negara Malaysia atau Jabatan Akaun Negara Malaysia mengikut polisi yang ditetapkan.

g) Penyata kewangan disediakan mengikut asas yang sama dengan Anggaran Perbelanjaan bagi membolehkan perbandingan dibuat.

h) Apabila berlaku perubahan ke atas persembahan atau klasifikasi butiran, angka perbandingan telah dinyatakan semula kecuali dinyatakan sebaliknya.

**2. PERSEMBAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI**

Persembahan Penyata Kewangan dan nota yang disertakan bagi tahun 2017 telah dibuat penambahbaikan bagi memudahkan pemahaman dan penganalisisan.

Penyata Prestasi Kewangan adalah penyata baru yang menunjukkan prestasi kewangan Kerajaan Negeri secara keseluruhan.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disediakan mengikut kemandekan Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaiann Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard (IPSAS) - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting* mengandungi komponen berikut:

- a) Penyata Kedudukan Kewangan
- b) Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai
- c) Penyata Prestasi Kewangan
- d) Penyata Akaun Memorandum
- e) Nota Kepada Penyata Kewangan

**3. WANG TUNAI**

Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan.

Wang Tunai Dalam Perjalanan menunjukkan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada akhir tahun kewangan.

Wang Tunai Dalam Tangan merupakan Panjar Wang Runcit.

Wang Tunai pada 31 Disember 2017 adalah seperti berikut:

Perihal	2017		2016	
	RM	RM	RM	RM
Wang Tunai Dalam Bank	19,436,812.64		9,030,364.89	
Wang Tunai Dalam Perjalanan	479,932.70		565,560.93	
Wang Tunai Dalam Tangan	339,400.00		337,900.00	
JUMLAH WANG TUNAI	<b>20,256,145.34</b>		<b>9,933,825.82</b>	

#### 4. PELABURAN

Pelaburan terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am dan dinyatakan pada nilai buku.

Pelaburan Kumpulan Wang Amanah ialah pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Amanah selaras dengan arahan amanah Seksyen 9 dan suratcara amanah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] serta peraturan yang berkuatkuasa. Pelaburan Am adalah semua pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan selain daripada pelaburan Kumpulan Wang Amanah. Pelaburan Am juga merangkumi pelaburan daripada penukaran pinjaman kepada ekuiti.

Pelaburan pada 31 Disember 2017 adalah seperti berikut:

Perihal	2017		2016	
	Nilai Buku		Nilai Buku	
	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah RM	Pelaburan Am RM	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah RM	Pelaburan Am RM
Saham	0.00	31,450,000.00	0.00	31,450,000.00
Deposit Dalam Negeri	28,950,000.00	1,890,000,000.00	30,150,000.00	1,757,000,000.00
Jumlah	28,950,000.00	1,921,450,000.00	30,150,000.00	1,788,450,000.00
<b>JUMLAH PELABURAN</b>	<b>1,950,400,000.00</b>		<b>1,818,650,000.00</b>	

#### 5. AKUAN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan mengakaun semua urusniaga terimaan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan selaras dengan Perkara 97 dan 98 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61].

Akaun Hasil Disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 adalah seperti berikut :

Perihal	2017		2016		
	Anggaran RM	Sebenar RM	% Anggaran	Sebenar RM	% Anggaran
<b>BAKI PADA 1 JANUARI</b>		1,041,746,225.20		952,529,742.07	
<b>HASIL</b>					
Hasil Cukai	138,941,800.00	135,536,443.94	97.55	133,112,821.51	98.02
Hasil Bukan Cukai	448,922,300.00	341,043,190.72	75.97	579,799,792.91	129.18
Terimaan Bukan Hasil	99,544,000.00	280,429,667.80	281.71	316,934,735.56	308.42
Jumlah Hasil	687,408,100.00	757,009,302.46	110.13	1,029,847,349.98	149.82
<b>PERBELANJAAN MENGURUS</b>					
Emolumen	174,786,739.24	163,558,223.95	93.58	158,597,870.39	95.90
Perkhidmatan dan Bekalan	150,348,873.61	140,308,372.87	93.32	135,128,385.07	91.77
Aset	8,329,508.99	7,768,542.21	93.27	6,063,944.18	82.54
Pembelian dan Kenaan Bayaran Tetap**	224,924,798.16	216,017,816.81	96.04	392,901,468.90	90.66
Perbelanjaan-perbelanjaan lain	6,124,780.00	3,199,444.82	52.24	2,939,198.31	47.76
Perbelanjaan Menurorus (sebelum pindahan)	564,514,700.00	530,852,400.66	94.04	695,630,866.85	91.59
Pindahan Lebihan Hasil ke Kumpulan Wang Pembangunan	790,000,000.00	175,000,000.00		245,000,000.00	
Jumlah Perbelanjaan Menurorus (selepas pindahan)	1,354,514,700.00	705,852,400.66	52.11	940,630,866.85	96.03
Lebihan/(Kurangan) bagi Tahun		51,156,901.80		89,216,483.13	
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>		<b>1,092,903,127.00</b>		<b>1,041,746,225.20</b>	

Nota: (\*\*)- Tidak termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan.

**(a) Hasil**

Hasil diakaukan secara jumlah kasar ke dalam Akaun Hasil kecuali diperuntukan sebaliknya oleh mana-mana undang-undang.

Hasil mengikut penjenisannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 adalah seperti berikut :

Perihal	2017			2016		
	Anggaran Asal	Anggaran Disemak	Sebenar	% Anggaran	RM	% Anggaran
<b>HASIL CUKAI</b>						
Cukai Tanah	120,807,030.00	120,807,030.00	118,401,723.25	98.01	116,880,006.50	94.38
Cukai Parit Dan Talair	653,070.00	653,070.00	583,669.72	89.37	576,669.09	75.72
Cukai Langsing Yang Lain	481,700.00	481,700.00	173,039.70	35.92	156,330.00	82.28
Cukai Hiburan	17,000,000.00	17,000,000.00	16,378,011.27	96.34	15,498,815.92	140.91
Jumlah Hasil Cukai	138,941,800.00	138,941,800.00	135,536,443.94	97.55	133,112,821.51	98.02 (disambung) (sambungan)

Hasil mengikut penjenisannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 adalah seperti berikut :

Perihal	2017			2016		
	Anggaran Asal	Anggaran Disemak	Sebenar	% Anggaran	RM	% Anggaran
<b>HASIL BUKAN CUKAI</b>						
Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit	10,972,250.00	10,972,250.00	13,327,305.68	121.46	13,227,542.22	144.62
Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan	86,311,240.00	86,311,240.00	95,434,798.72	110.57	80,087,062.87	101.84
Perolehan daripada Jualan Barang-barang	273,418,600.00	273,413,600.00	132,933,238.82	48.62	388,829,501.75	131.74
Sewa-sewa	7,885,880.00	7,885,880.00	16,927,062.95	214.65	7,964,324.69	107.89
Keuntungan Pembentayaan Dan Perolehan Pelaburan	62,942,010.00	62,942,010.00	75,844,951.99	120.50	70,618,672.12	133.76
Denda dan Hukuman	7,395,290.00	7,395,290.00	6,338,711.59	85.71	6,630,286.26	117.66
Sumbangan dan Bayaran Ganti	2,030.00	2,030.00	237,120.97	11,680.84	12,442,403.00	12,442.40
Jumlah Hasil Bukan Cukai	448,927,300.00	448,922,300.00	341,043,190.72	75.97	579,799,792.91	129.18
<b>TERIMAAN BUKAN HASIL</b>						
Pulangan Balik Perbelanjaan	2,044,000.00	2,044,000.00	33,386,242.59	1,633.38	42,352,029.28	1,407.04
Terimaan daripada Agenzi-agenzi	97,500,000.00	97,500,000.00	247,043,425.21	253.38	274,582,706.28	275.27
Jumlah Terimaan Bukan Hasil	99,544,000.00	99,544,000.00	280,429,667.80	281.71	316,934,735.56	308.42
<b>JUMLAH HASIL</b>	<b>687,413,100.00</b>	<b>687,408,100.00</b>	<b>757,009,302.46</b>	<b>110.13</b>	<b>1,029,847,349.98</b>	<b>149.82</b>

**(b) Perbelanjaan Mengurus**

Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan dan Bekalan seperti emolument, perkhidmatan dan bekalan, aset, pemberian dan kenaan bayaran tetap dan perbelanjaan-perbelanjaan lain.

Perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan mengikut undang-undang Persekutuan selaras dengan Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan.

Perbelanjaan bagi Maksud Bekalan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan berdasarkan kelulusan Dewan Undangan Negeri selaras dengan Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan.

Perbelanjaan Mengurus mengikut Maksud Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 adalah seperti berikut :

Maksud Perbelanjaan	2017		
	Anggaran Asal RM	Anggaran Dipinda RM	Sebenar RM
